Ooi Beng Hin lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO B–05–43 TAHUN 1997
LAMIN PMR, AHMAD FAIRUZ DAN MOKHTAR SIDIN HHMR
26 JULAI 2000

Prosedure Jenayah *— Penghukuman — Pemenjaraan — Tarikh bermulanya tempoh pemenjaraan — Homisid salah tidak terjumlah pembunuhan — Pesalah berlaku kejam terhadap mangsa — Sama ada hukuman penjara harus bermula pada hari pesalah ditangkap*

Perayu telah mengaku bersalah atas tuduhan pindaan di bawah s 304 Kanun Keseksaan kerana melakukan homisid salah tidak terjumlah membunuh dan dihukum penjara selama 15 tahun bermula pada tarikh hukuman dijatuhkan, iaitu pada 7 Mei 1997. Perayu memfailkan rayuan di mana beliau memohon agar hukuman penjara yang telah dijatuhkan itu bermula pada hari beliau ditangkap iaitu pada 29 Julai 1994.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

Memandangkan betapa kejamnya perbuatan jenayah yang telah dilakukan ke atas mangsa yang terbabit, maka mahkamah tidak dapat memberi pertimbangan seperti yang diharapkan oleh perayu. Perbuatannya dengan niat hendak merompak pasti telah dirancang. Perayu telah mencekik mangsa sehingga mati. Perbuatan mencekik hingga mati boleh dibuat kesimpulan bahawa perayu memang ada niat membunuh si mangsa semoga ia tidak dikenali sebagai orang yang merompak si mangsa. Hukuman yang seperti yang telah dijatuhkan itu adalah tidak keterlaluan dan oleh itu rayuan ini adalah ditolak (lihat ms 371H–I, 372B–D).

[English summary

The appellant pleaded guilty on an amended charge under s 304 of the Penal Code for homocide not amounting to murder and sentenced to 15 years imprisonment commencing on the date of the sentence, ie on 7 May 1997. The appellant had filed an appeal in which he prayed for the imprisonment sentence ordered to commence on the date of his arrest, ie on 29 July 1994.

Held, dismissing the appeal:

In view of the cruelty committed on the victim, the court could not give such consideration as expected by the appellant. The act coupled with the intention to rob surely was planned. The appellant had strangled the victim to death. The act of strangling to death showed that the appellant clearly had the intention to murder the victim so that he could not be identified as the person robbing the victim. The

A sentence given was not excessive and thus this appeal was dismissed (see pp 371H–I, 372B–D).]

Nota-nota

B Untuk kes-kes mengenai pemenjaraan, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan 2764–2769.

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 302

C

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–22 Tahun 1995 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Ooi Beng Hin perayu mewakili diri sendiri.

Zauyah Bee bte Loth Khan (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak penentang.

D

Lamin PMR (menyampaikan penghakiman mahkamah): Pada 5 Mei 1997 di Mahkamah Tinggi Shah Alam perayu telah dihadapkan dengan tuduhan membunuh seorang perempuan bernama Boo Choy Kiew iaitu suatu kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Dua hari kemudian iaitu pada 7 Mei 1997 tuduhan tersebut telah dipinda kepada suatu tuduhan E dengan kesalahan di bawah s 304 Kanun Keseksaan dan tuduhan itu berbunyi:

> Bahawa kamu pada 28 Julai 1994 jam di antara pukul 7.00 petang hingga 8.00 malam, di rumah beralamat no SB9, Dahlia Court, Jalan Indah 23, Taman Pandan Indah, Ampang, dalam Daerah Hulu Langat, dalam Negeri Selangor F Darul Ehsan, telah melakukan homisid salah tidak terjumlah membunuh, dengan menyebabkan kematian Boo Choy Kiew, dengan melakukan suatu perbuatan dengan niat hendak menyebabkan kematiannya, dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah cabang pertama s 304 Kanun Keseksaan.

G Perayu telah mengaku salah dan disabitkan dan pada hari itu jua ia telah dihukum dengan hukuman penjara selama 15 tahun bermula pada hari yang sama. Perayu telah memfailkan notis rayuannya iaitu rayuan terhadap hukuman dan rayuannya telah ditetapkan di hadapan kami pada 1 November 1999. Pada hari itu dengan sebulat suara kami menolak rayuannya.

H Di hadapan kami, perayu bertindak tanpa khidmat seorang peguam dan ia mengemukakan alasan rayuannya secara bertulis (dengan tulisan tangan). la telah memohon agar hukuman penjara yang telah dijatuhkan itu bermula pada hari ia ditangkap iaitu 29 Julai 1994 atas alasan-alasan seperti yang dikemukakannya itu. Kami bersependapat bahawa memandangkan betapa kejamnya perbuatan jenayah yang telah dilakukan ke atas mangsa I yang terbabit maka kami tidak dapat memberi pertimbangan seperti yang diharapkan oleh perayu. Perbuatannya dengan niat hendak merompak kami pasti telah dirancang. Sudah tentunya perayu telah menanti si mangsa lalu

selepas ia habis kerja hendak pulang ke tempat tinggalnya dan perayu telah mengekorinya hingga terus masuk ke rumahnya. Kami percaya bahawa perayu telah membuat perhatian sebelum ini yang si mangsa adalah berjalan berseorangan hingga ke rumahnya. Kalau tidak sedangkan ia berani mengekori terus. Apabila mangsa menjerit, perayu telah mengikatnya dan terus mencekiknya. Perayu mengakui mengambil barang-barang si mangsa, kad kredit dan kad ATMnya. Perayu telah mencekik si mangsa sehingga mati. Bukan itu sahaja beberapa bahagian badan si mangsa telah dicederakan (lihat laporan doktor). Jelas seperti dalam gambar selepas di cekek, si mangsa telah dibogelkan. Kecederaan terdapat juga pada kemaluan mangsa. Dari pengakuannya dan kecederaan ini kami percaya perayu telah cuba memuaskan hawa nafsunya. Berdasarkan kecederaan-kecederaan itu, perayu telah melakukan beberapa kesalahan jenayah di bawah peruntukan Kanun Keseksaan. Kalau cuma niat hendak merompak selepas mangsa diikat, ambil sahajalah barang-barang kepunyaan mangsa. Mengapa pula dicekik dan dicederakan. Juga perbuatan mencekik hingga mati, maka kesimpulan boleh dibuat bahawa perayu memang ada niat membunuh si mangsa dengan cara mencekiknya semoga ia tidak dikenali sebagai orang yang merompak si mangsa. Satu nyawa sudah hilang. Si mangsa tidak membuat kesalahan pun kepada perayu. Si mangsa, sebagai seorang yang masih hidup di dunia ini, terpaksalah ia pergi balik mencari rezeki supaya ia dapat terus hidup dengan sempurna. Tiada siapa pun berhak mengambil hartanya dan mencederanya hingga mati. Sepatutnya ada undang-undang yang cukup untuk membolehkan mahkamah menjatuhkan hukuman bukan sahaja 15 tahun hingga 20 tahun penjara tetapi lebih dari itu, termasuk menjatuhkan hukuman mati. Jika ada rumusan dibuat bahawa perbuatan mencekik hingga mati dikatakan perbuatan itu cuma dengan niat hendak mencekik sahaja tanpa niat membunuh, ini kami katakan adalah bermain-main menyorok di belakang telunjuk. Manusia sesama manusia tidak dibenarkan 'bermain' dengan nyawa manusia. Dengan kata-kata itu kami tidak dapat memberi pertimbangan kepada mana-mana butiran rayuan perayu. Berdasarkan kepada pandangan-pandangan kami seperti di atas terhadap kejadian ini maka kami sungguh-sungguh berpendapat bahawa hukuman seperti yang telah dijatuhkan itu adalah tidak keterlaluan dan oleh itu rayuan ini adalah ditolak.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar